



**MINIT MESYUARAT PERTAMA  
JAWATANKUASA INDUK KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) KALI KE-7**

---

Tarikh : 8 November 2010  
Masa : 2.30 petang  
Tempat : Bilik Lembaga, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran  
Universiti Putra Malaysia  
Kehadiran : Lampiran 1

| MINIT            | AGENDA   | TINDAKAN   |
|------------------|--|--|
| <b>Minit 1.1</b> | <p><b>Kata Aluan Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi-</p> <p>1.1.1 mengucapkan terima kasih di atas kehadiran wakil-wakil daripada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) ke mesyuarat pertama Jawatankuasa Induk Konvensyen KIK peringkat IPTA Kali ke-7.</p> <p>1.1.2 memaklumkan bahawa Universiti Putra Malaysia (UPM) telah terpilih sebagai tuan rumah konvensyen KIK kali ke-7 ini pada Mesyuarat Pendaftar-Pendaftar Bil. 1/2010. Mesyuarat ini telah diadakan pada 19hb. Februari 2010 yang lepas di Universiti Sains Malaysia, kampus Kubang Kerian.</p> <p>1.1.3 mengharapkan kerjasama dan bantuan daripada Universiti yang telah melaksanakan Konvensyen untuk menjayakan konvensyen akan datang ini.</p> | <p style="text-align: center;"><b>Makluman</b></p><br><p style="text-align: center;"><b>Makluman</b></p><br><p style="text-align: center;"><b>UiTM, UPSI,<br/>UKM, UTM, UMS,<br/>dan USM</b></p> |
| <b>Minit 1.2</b> | <p><b>Cadangan Penetapan Tarikh</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.2.1 bersetuju untuk menetapkan tarikh konvensyen KIK kali ke-7 pada <b>1 – 3 Mac 2011</b>. Tarikh ini ditetapkan dengan mengambil kira keputusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mengadakan Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada bulan Februari 2011.</p>  | <p style="text-align: center;"><b>Semua IPTA</b></p>   |

| <b>MINIT</b>     | <b>AGENDA</b>   | <b>TINDAKAN</b>   |
|------------------|---|---|
|                  | <p>1.2.2 dimaklumkan bahawa lokasi pertandingan akan diadakan di:</p> <p>(a) <b>Panggung Percubaan</b>, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi persembahan Kategori Teknikal; dan</p> <p>(b) <b>Auditorium Jurutera</b>, Fakulti Kejuruteraan bagi persembahan Kategori Pengurusan.</p> <p>(c) <b>Dewan Besar</b> bagi makan malam dan majlis penutupan.</p> <p>1.2.3 meminta supaya lokasi pertandingan dikaji semula supaya berdekatan di antara dua (2) tempat pertandingan itu dengan mengambil kira mobiliti para penyokong dan pemerhati.</p> | <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Urus Setia Konvensyen</b></p>  |
| <b>Minit 1.3</b> | <p><b>Kategori Pertandingan Projek</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.3.1 mengambil makluman bahawa terdapat dua (2) kategori yang dipertandingkan (Rujuk <b>Lampiran 2</b> Perkara 3.0) iaitu :</p> <p>(a) Kategori Pengurusan;</p> <p>(b) Kategori Teknikal.</p> <p>1.3.2 dimaklumkan bahawa sekiranya dibangkitkan isu bagi menetapkan sama ada projek yang dijalankan adalah kategori pengurusan atau teknikal, maka perbincangan akan dibuat pada mesyuarat Jawatankuasa Induk akan datang.</p>  | <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p>   |
| <b>Minit 1.4</b> | <p><b>Syarat-syarat Pertandingan</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.4.1 mengambil makluman syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 4.0)</p> <p>1.4.2 meminta supaya menyediakan senarai projek-projek yang telah dipertandingkan pada Konvensyen KIK yang lepas. Senarai itu perlu diserahkan kepada Urus Setia.</p> <p>1.4.3 bersetuju supaya menolak mana-mana penyertaan yang mempertandingkan projek-projek yang sama telah dipertandingkan daripada Universiti yang sama.</p>  | <p><b>Makluman semua</b></p> <p><b>UiTM, UPSI, UKM, UTM, UMS, dan USM</b></p> <p><b>Jawatankuasa Penyaringan Projek</b></p> |

| MINIT                   | AGENDA   | TINDAKAN   |
|-------------------------|--|--|
|                         | <p>1.4.4 bersetuju menerima penyertaan daripada Universiti yang mempertandingkan projek yang telah dipertandingkan oleh Universiti lain pada konvensyen yang lepas.</p> <p>1.4.5 dimaklumkan bahawa bilangan penyertaan yang dibenarkan daripada setiap Universiti adalah sebanyak dua (2) kumpulan sahaja iaitu masing-masing satu (1) kumpulan daripada setiap kategori. Ini adalah kerana bilangan maksimum penyertaan daripada IPTA adalah empat puluh (40) kumpulan iaitu dua puluh (20) kumpulan daripada setiap kategori.</p> <p>1.4.6 bersetuju untuk mengadakan proses undian sekiranya terdapat kekosongan daripada kuota yang ditetapkan. Proses undian ini akan dibuat pada mesyuarat kedua Jawatankuasa Induk Konvensyen KIK IPTA kali ke-7 yang akan diadakan pada 13 Januari 2011.</p> <p>1.4.7 bersetuju supaya setiap kumpulan menyediakan lima (5) salinan slaid <i>power point</i> (maksimum 150 slaid) dan dicetak tidak melebihi dua (2) slaid dalam satu kertas yang sama.</p> <p>1.4.8 bersetuju untuk menyediakan satu salinan semua projek yang bertanding dalam bentuk <i>Compact Disk</i> (CD) dan dihantar kepada wakil Universiti sebagai rujukan amalan terbaik.</p> | <p><b>Semua IPTA</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p> <p><b>Urus setia</b></p> |
| <p><b>Minit 1.5</b></p> | <p><b>Yuran Penyertaan</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.5.1 mengambil maklumat kadar yuran penyertaan mengikut pakej-pakej yang ditetapkan (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 5.0).</p> <p>1.5.2 dimaklumkan bahawa jumlah maksimum ahli kumpulan adalah sepuluh (10) orang dan tidak termasuk Fasilitator. Walaubagaimanapun, manamana kumpulan yang tidak mencapai 10 orang ahli, maka Fasilitator boleh dimasukkan dalam pakej 10 orang setiap kumpulan. Jika tidak, yuran bagi Fasilitator adalah mengikut jumlah yuran untuk Pemerhati/Penyokong.</p>   | <p><b>Makluman semua</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p>  |

| MINIT                   | AGENDA   | TINDAKAN   |
|-------------------------|--|--|
|                         | <p>1.5.3 dimaklumkan juga bahawa mana-mana Universiti yang tidak menyertai pertandingan tetapi menghantar Pemerhati/Penyokong, maka kadar yang dikenakan adalah RM 3, 500 dan dibenarkan seramai empat (4) orang sahaja Pemerhati/Penyokong.</p> <p>1.5.4 dimaklumkan bahawa pakej yang ditawarkan adalah penginapan bilik berdua selama 3 malam. Sekiranya mana-mana Universiti yang memerlukan kemudahan yang melebihi daripada pakej yang ditawarkan, maka Universiti berkenaan adalah diminta untuk menguruskan sendiri urusan penginapan.</p> | <p><b>Semua IPTA</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p>    |
| <p><b>Minit 1.6</b></p> | <p><b>Pemilihan Juri/Panel Penilai</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.6.1 mengambil makluman Pemilihan Juri/Panel Penilai (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 6.0).</p> <p>1.6.2 meminta supaya menyediakan garis panduan penilaian kepada juri supaya tidak memberi soalan yang tidak relevan dengan projek yang dibentangkan.</p>   | <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Urus Setia</b></p>      |
| <p><b>Minit 1.7</b></p> | <p><b>Kategori dan Nilai Hadiah</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.7.1 mengambil makluman kategori dan nilai hadiah (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 7.0).</p> <p>1.7.2 meminta supaya kumpulan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menjadi Johan Keseluruhan pada Konvensyen KIK IPTA Kali ke-6 menyerahkan Piala Pusingan kepada pihak urus setia selewat-lewatnya sebulan sebelum tarikh konvensyen.</p>   | <p><b>Makluman semua</b></p> <p><b>Wakil UKM</b></p> |

| MINIT             | AGENDA  | TINDAKAN  |
|-------------------|---|---|
| <b>Minit 1.8</b>  | <p><b>Keperluan Peralatan</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.8.1 mengambil maklumat keperluan peralatan semasa pertandingan (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 8.0).</p> <p>1.8.2 menggalakkan supaya membawa sendiri komputer riba semasa pertandingan bagi melancarkan urusan persembahan.</p> <p>1.8.3 meminta supaya menyenaraikan keperluan <i>software</i> dan <i>version</i> yang diperlukan pada komputer riba.</p> <p>1.8.4 meminta semua Universiti yang akan menyertai konvensyen untuk melengkapkan Borang Keperluan peralatan dan dihantar ke Urus Setia selewat-lewatnya pada 3 Januari 2011.</p> | <p><b>Maklumat semua</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p> |
| <b>Minit 1.9</b>  | <p><b>Keperluan Penginapan</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.9.1 mengambil maklumat berkenaan keperluan penginapan (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 9.0).</p> <p>1.9.2 memaklumkan bahawa para peserta akan ditempatkan di hotel-hotel sekitar Serdang, Bangi, dan Kajang.</p> <p>1.9.3 dimaklumkan bahawa pendaftaran penginapan hanya akan dibuka mulai 1 Mac 2011 jam 2.00 petang.</p>  | <p><b>Maklumat semua</b></p> <p><b>Maklumat semua</b></p> <p><b>Maklumat semua</b></p>                  |
| <b>Minit 1.10</b> | <p><b>Etika pakaian</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.10.1 mengambil maklumat berkenaan etika pakaian semasa konvensyen berlangsung (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 10.0).</p> <p>1.10.2 memaklumkan bahawa pemakaian tag nama adalah diwajibkan kepada peserta dan juga Pemerhati/penyokong.</p>   | <p><b>Maklumat semua</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p>   |

| MINIT      | AGENDA  | TINDAKAN   |
|------------|---|--|
| Minit 1.11 | <p><b>Gambar dan logo pasukan</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.11.1 mengambil makluman berkenaan gambar dan logo pasukan (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 11.0).</p> <p>1.11.2 meminta supaya menghantar gambar dan logo pasukan dalam bentuk <i>softcopy</i> selewat-lewatnya 13 Januari 2011 untuk dimuatkan dalam buku program.</p>  | <p><b>Makluman semua</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p>                                      |
| Minit 1.12 | <p><b>Penyertaan</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.12.1 mengambil makluman berkenaan penyertaan pasukan (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 13.0).</p> <p>1.12.2 meminta supaya penyertaan dibuat dengan mengisi Borang Penyertaan dan dihantar kepada Urus setia selewat-lewatnya 13 Januari 2011.</p>   | <p><b>Makluman semua</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p>                                      |
| Minit 1.13 | <p><b>Hal-hal lain</b></p> <p>Mesyuarat-</p> <p>1.13.1 dimaklumkan bahawa <b>kriteria pemarkahan</b> yang digunakan pada konvensyen KIK kali ini adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh MPC. Kriteria ini akan diedarkan dalam laman web KIK (Rujuk <b>Lampiran 2</b> perkara 12.0).</p> <p>1.13.2 diminta memberi <b>maklumbalas penyertaan dan keperluan penginapan</b> kerana maklumat tersebut dapat membantu urus setia membuat anggaran tempahan penginapan.</p> <p>1.13.3 dimaklumkan berkenaan dengan <b>budaya bertukar-tukar cenderahati</b> diantara Universiti. Mesyuarat bersetuju supaya budaya ini diteruskan dan meminta supaya setiap Universiti menyediakan sebanyak 100 unit. Cenderahati ini akan dikumpulkan pada mesyuarat terakhir Jawatankuasa Induk diadakan dan dijangka pada penghujung bulan Februari 2011.</p> | <p><b>Makluman semua</b></p> <p><b>Semua IPTA/ Urus setia</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p> |

| MINIT             | AGENDA   | TINDAKAN   |
|-------------------|--|--|
|                   | <p>1.13.4 meminta supaya wakil IPTA yang hadir pada mesyuarat ini mengambil ingatan ke atas <b>tahap kesihatan peserta dan penyokong/pemerhati</b> yang akan hadir pada konvensyen nanti. Mesyuarat meminta supaya mereka membawa sendiri ubat-ubat kronik kerana pihak UPM tidak akan menanggung kos/bil perubatan bagi pesakit kronik. Mesyuarat memaklumkan bahawa pihak UPM hanya akan menanggung bagi ubatan-ubatan pesakit kecil. Sekiranya ada kes pesakit kronik, bil-bil perubatan akan diserahkan kepada pihak Universiti berkenaan untuk pembayaran.</p> <p>1.13.5 dimaklumkan bahawa <b>tarikh mesyuarat kedua</b> Jawatankuasa Induk Konvensyen KIK IPTA adalah pada 13 Januari 2011 jam 2.30 petang. Dimaklumkan juga bahawa proses undian akan dibuat untuk memilih kumpulan yang dapat menyertai konvensyen sekiranya kuota penyertaan tidak dipenuhi.</p> <p>1.13.6 memaklumkan bahawa laman web berkenaan konvensyen KIK IPTA akan dibangunkan dan dijangka mula beroperasi pada awal bulan Disember 2010.</p> | <p><b>Semua IPTA / Pusat Kesihatan IPTA</b></p> <p><b>Semua IPTA</b></p> <p><b>Makluman semua / Urus setia</b></p> |
| <b>Minit 1.14</b> | <p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat kali ini dan diharap kerjasama daripada semua Universiti dapat memantapkan pelaksanaan Konvensyen KIK akan datang.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.</p>   |  |

**SENARAI KEHADIRAN**  
**MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA INDUK KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN**  
**KREATIF (KIK) INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) KALI KE-7**

Tarikh : 8 November 2010  
Masa : 2.30 petang  
Tempat : Bilik Lembaga, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran

**Kehadiran**

- 1 En. Hashim Md. Shari, Universiti Putra Malaysia (UPM) (Wakil Pengerusi)
- 2 Pn. Rozitah Md. Amin, Universiti Malaya (UM)
- 3 Y.M. Tuan Mohd Salman Tuan Mohd Jaafar, Universiti Sains Malaysia (USM)
- 4 Pn. Melor Suria Minhat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 5 En. Abdul Razib Hj Shahudin, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- 6 En. Mohd Ehsan Amin, Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- 7 En Mohd Idzwan Yacob, Universiti Utara Malaysia (UUM)
- 8 En. Ilmyzat Ismail, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- 9 Pn. Zainorah Matnoor, Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- 10 En Nasriman Abdul Rahman, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- 11 En. Ahmad Tarmizi Al Shaari, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- 12 Pn. Haszrinaz Husain@Hashim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- 13 En. Muhamad Tasyrif Shazali, Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- 14 En. Murhazlan Mohamed, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- 15 Pn. Adibah Hanim Abdul Rasid, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- 16 Y.M. Putri Saniah Megat Abd Rahman, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- 17 En. Ismail Ahmad, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA)
- 18 En. Janudin Bakar, Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)
- 19 En. Mohd Salehudin Sukor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- 20 Pn Azmah Ma'ali, Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- 21 Pn. Rozi binti Tamin (Setiausaha)

**Tidak hadir dengan kenyataan**

- 1 En. Mohamah Hanif Mohamed Isa, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
- 2 Pn. Siti Rahimah Rahaman, Universiti Teknologi Melaka (UteM)





**LAMPIRAN 2**



### 1.0 Pengenalan

1.1 Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Sesuai dengan keperluan semasa dan perubahan di dalam dan luar negara, kerajaan telah mengkaji semula peranan dan kaedah yang digunakan oleh Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dalam penyelesaian masalah organisasi. Ia bertujuan untuk menggalakkan budaya inovatif dan kreatif serta memberi peluang kepada anggota Perkhidmatan Awam untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri. Ikutan daripada itu, KMK telah ditukar nama kepada **Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**.

1.2 Program KIK bukan sahaja menyediakan teknik-teknik untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam organisasi, tetapi juga merangkumi kaedah untuk membolehkan ahli-ahli KIK bertindak secara kreatif dan inovatif bagi menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk yang baru melalui kemahiran imaginasi yang membawa kepada peningkatan sistem penyampaian perhidmatan kepada pelanggan.

1.3 Konsep ini juga telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Latihan Universiti (JALUMA) pada tahun 2004 sebagai satu mekanisme pengurusan untuk menyuburkan budaya kerja berkualiti di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Beberapa siri Konvensyen telah dianjurkan di peringkat IPTA seperti pada **Jadual 1**.

**Jadual 1:** Siri Konvensyen KIK peringkat IPTA

| <b>BIL.</b> | <b>IPTA</b>                              | <b>TAHUN</b> |
|-------------|--|--------------|
| Kali Ke-1   | Universiti Teknologi MARA (UiTM)         | 2004         |
| Kali Ke-2   | Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) | 2005         |
| Kali Ke-3   | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)     | 2006         |
| Kali Ke-4   | Universiti Teknologi Malaysia (UTM)      | 2007         |
| Kali Ke-5   | Universiti Malaysia Sabah (UMS)          | 2009         |
| Kali Ke-6   | Universiti Sains Malaysia (USM)          | 2010         |

1.4 Pada Mesyuarat Pendaftar-Pendaftar Bil. 1/2010 yang diadakan pada 19hb. Februari 2010 telah bersetuju untuk memberi kepercayaan kepada **Universiti Putra Malaysia sebagai tuan rumah** untuk Konvensyen KIK peringkat IPTA kali ke 7 iaitu pada tahun 2011.

## 2.0 Penetapan tarikh dan tempat konvensyen

Tarikh konvensyen adalah pada **1 – 3 Mac 2011** bertempat di:

- (a) Panggung Percubaan, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Persembahan Kategori Teknikal);
- (b) Auditorium Jurutera, Fakulti Kejuruteraan (Persembahan Kategori Pengurusan).



### **3.0 Kategori Pertandingan Projek**

Terdapat dua (2) kategori projek yang dipertandingkan, iaitu Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal.

#### **3.1 Kategori Pengurusan**

Kategori Pengurusan adalah projek yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran atau sistem prosedur kerja. Contohnya projek pengurusan ialah penggabungan borang permohonan, lesen komposit, pengenalan borang baru, pelaksanaan prosedur kerja baru, pengenalan sistem kerja baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada sistem baru yang boleh menjimatkan masa dan kos operasi, meningkatkan kepuasan hati pelanggan dan penyampaian perkhidmatan sderta faedah-faedah lain.

#### **3.2 Kategori Teknikal**

Kategori teknikal ialah projek yang menggunakan bidang pengetahuan yang tertentu seperti kejuruteraan, seni perusahaan (industrial arts) dan sains gunaan (applied science). Masalah projek yang dikenalpasti dan telah diselesaikan oleh kumpulan adalah berhubung kait dengan bidang tertentu. Cadangan yang dikemukakan dan dilaksanakan juga adalah dalam bidang yang sama. Contoh projek teknikal ialah penciptaan peralatan baru, pembangunan sistem komputer atau perisian komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan pengwujudan kaedah teknikal baru.

### **4.0 Syarat-syarat Pertandingan**

4.1 Secara umumnya, syarat-syarat pertandingan adalah seperti berikut:

- (a) Penyertaan adalah terbuka kepada kumpulan KIK dari semua IPTA;
- (b) Projek kumpulan hendaklah merupakan projek yang telah selesai dijalankan di peringkat IPTA masing-masing;



## LAMPIRAN 2

- (c) Projek KIK hendaklah belum pernah dipersembahkan oleh kumpulan dari mana-mana konvensyen peringkat IPTA pada tahun-tahun sebelumnya (sekiranya projek yang sama telah dipertandingkan tetapi daripada Universiti yang lain adalah dibenarkan);
- (d) Penyertaan dibenarkan untuk mencalonkan dua (2) kumpulan KIK (masing-masing dari kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal) yang dipilih melalui Konvensyen KIK peringkat Universiti untuk menyertai Konvensyen Peringkat IPTA. Penyertaan melebihi daripada dua (2) kumpulan akan melalui proses undian dan proses ini hanya akan dibuat sekiranya jumlah penyertaan adalah kurang daripada yang ditetapkan iaitu dua puluh (20) kumpulan bagi setiap kategori.;
- (e) Pencalonan menyertai Konvensyen hendaklah dikemukakan oleh Universiti kepada Urus Setia Konvensyen peringkat IPTA dengan mengemukakan Borang Pencalonan;
- (f) Semua kumpulan perlu menyediakan lima (5) ringkasan projek dan slaid *power point* (maksimum 150 slaid) dan dicetak tidak melebihi dua (2) slaid dalam satu kertas yang sama dan dihantar kepada pihak Urus setia **sebelum atau pada 15 Februari 2011**;
- (g) Penggunaan komputer adalah ddiwajibkan;
- (h) Masa persembahan projek kumpulan adalah dihadkan kepada 30 minit, iaitu 5 minit untuk persediaan, 20 minit untuk persembahan dan 5 minit untuk sesi soal jawab;
- (i) Setiap kumpulan diwakili maksimum sepuluh (10) ahli sahaja (tidak termasuk Fasilitator);
- (j) Pihak penganjur berhak menolak penyertaan dari mana-mana Kumpulan KIK yang tidak layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai Konvensyen oleh penganjur adalah muktamad;
- (k) Keputusan Jemaah Panel Penilai Konvensyen terhadap persembahan kumpulan adalah muktamad.



## 5.0 Yuran Penyertaan

5.1 Yuran penyertaan mestilah dijelaskan kepada pihak Urus setia selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh konvensyen bermula.

5.2 Jadual berikut menunjukkan jumlah yuran mengikut pakej-pakej yang ditawarkan.

| Pakej | Keterangan                                    | Kemudahan yang ditawarkan   | Jumlah Yuran/Sumbangan (RM)                 |
|-------|---|---|---|
| A.    | Universiti bertanding                         | <ul style="list-style-type: none"><li>Penginapan (twin sharing 3 malam)</li><li>Makan sepanjang pertandingan (minum pagi, makan tengahari dan minum petang) termasuk makan malam Majlis Penutup</li></ul> | RM3,500 setiap kumpulan (maksimum 10 orang) |
| B.    | Universiti yang bertanding (tiada penginapan) | <ul style="list-style-type: none"><li>Makan sepanjang pertandingan (minum pagi, makan tengahari dan minum petang) termasuk makan malam Majlis Penutup</li></ul>   | RM2,000 setiap kumpulan (maksimum 10 orang) |
| C.    | Yuran Pemerhati/ Penyokong                    | <ul style="list-style-type: none"><li>Penginapan (twin sharing 3 malam)</li><li>Makan sepanjang pertandingan (minum pagi, makan tengahari dan minum petang) termasuk makan malam Majlis Penutup</li></ul> | RM 300 seorang                              |
| D.    | Yuran Pemerhati /Penyokong (tiada penginapan) | <ul style="list-style-type: none"><li>Makan sepanjang pertandingan (minum pagi, makan tengahari dan minum petang) termasuk makan malam Majlis Penutup</li></ul>   | RM 150 seorang                              |
| E.    | Universiti yang tidak bertanding *            | -   | RM 3,500 setiap Universiti                  |

\* **Nota:** (i) Mana-mana IPTA yang tidak menghantar sebarang penyertaan, sumbangan sebanyak RM 3,500.00 perlu dikemukakan kepada pihak



penganjur. Sumbangan ini adalah satu langkah untuk menyokong penganjuran Konvensyen KIK peringkat IPTA setiap tahun.

- (ii) Sekiranya ada Universiti yang tidak bertanding dan ingin menghantar Pemerhati, bilangan yang dibenarkan adalah maksimum empat (4) orang sahaja. Kemudahan yang diperolehi adalah sebagaimana Pemerhati/Penyokong yang lain.

### **6.0 Pemilihan Juri/ Panel Penilai**

Setiap kumpulan akan dinilai oleh tiga (3) orang juri/panel penilai. Pemilihan Juri/Jemaah Juri Panel Penilai adalah daripada mana-mana juri dari Agensi berikut:

- (a) Kementerian Pengajian Tinggi
- (b) MAMPU
- (c) SIRIM Berhad
- (d) MPC
- (e) INTAN
- (f) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/Agensi Kerajaan lain

### **7.0 Kategori dan Nilai Hadiah**

Berikut adalah pecahan kategori bagi hadiah yang akan disampaikan, iaitu:

- (a) Johan Keseluruhan adakan mendapat Piala Pusingan dan Piala Iringan;
- (b) Johan Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal;
- (c) Naib Johan Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal;
- (d) Tempat Ketiga Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal;
- (e) Anugerah Fasilitator Terbaik;
- (f) Anugerah Inovasi Harapan (Anugerah Khas);
- (g) Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Pengurusan);
- (h) Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Teknikal);



- (i) Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Pengurusan); dan
- (j) Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Teknikal).

\* Perincian anggaran kos adalah seperti di **Lampiran 2.1**

### 8.0 Keperluan Peralatan

- (a) Kemudahan peralatan akan disediakan oleh pihak Urus Setia di setiap dewan pertandingan setiap kategori, iaitu:
  - i. Tiga (3) unit komputer riba.
  - ii. Tiga (3) unit projektor LCD.
  - iii. Empat (4) unit mikrofon.
  - iv. Tiga (3) unit skrin.
- (b) Peserta diminta untuk menjaga keselamatan peralatan sendiri yang dibawa. Urus setia membenarkan penggunaan komputer riba sendiri sepanjang Konvensyen berlangsung, tetapi tidak akan bertanggungjawab jika terdapat masalah teknikal.
- (c) Bagi memudahkan persiapan dibuat, setiap kumpulan diminta untuk mengisi **Borang Keperluan Peralatan** dan mengemukakan borang yang telah dilengkapkan kepada pihak Urus setia melalui Faksimili di talian 03-8946 7151.

### 9.0 Keperluan Penginapan

- (a) Para peserta dan pemerhati/penyokong rasmi akan ditempatkan di Hotel sekitar Serdang, Bangi atau Kajang, Selangor.
- (b) Pendaftaran penginapan akan mula dibuka pada **1 Mac 2011, mulai jam 2.00 petang**.





### 10.0 Etika Pakaian

Semasa konvensyen KIK berlangsung, para peserta dan pemerhati/penyokong rasmi perlu mengambil ingatan seperti berikut:

- (a) Peserta-peserta Konvensyen KIK dikehendaki berpakaian pejabat semasa Konvensyen dan aktiviti yang digalakkan (T-Shirt berkolar dibolehkan semasa raptai dan **pemakaian tag nama adalah diwajibkan**).
- (b) Peserta-peserta wanita dibenarkan memakai blaus atau *oat* suit.
- (c) Pemakaian jeans sama sekali tidak dibenarkan.
- (d) Peserta dan pemerhati/penyokong **diwajibkan** memakai Tag Konvensyen KIK.

### 11.0 Gambar dan Logo Pasukan

Gambar pasukan (semua ahli terlibat) dan logo kumpulan perlu dikemukakan kepada pihak Urus setia untuk dimuatkan di dalam buku program dan untuk tujuan persembahan multimedia. Maklumat-maklumat ini perlu dihantar **sebelum 13 Januari 2011 (Khamis)** beserta dengan borang Penyertaan.

**12.0 Kriteria Pemarkahan**

| Item       | Kriteria Penilaian   | (a)<br>Wajaran | (b)<br>Markah<br>(Mak.<br>10) | (a)x(b)<br>Markah<br>Berwajaran |
|------------|--|----------------|-------------------------------|---------------------------------|
| <b>1.0</b> | <b>Pengenalan (50 Markah)</b>  |                |                               |                                 |
| 1.1        | Latarbelakang jabatan, kumpulan dan pemilihan kumpulan diterangkan   | 2              |                               |                                 |
| 1.2        | Kumpulan membuktikan penyertaan dan keberkesanan perancangan projek  | 3              |                               |                                 |
| <b>2.0</b> | <b>Pemilihan Projek dan Definisi (50 Markah)</b>   |                |                               |                                 |
| 2.1        | Kumpulan menerangkan dengan jelas bagaimana dan kenapa projek menjadi pilihan  | 8              |                               |                                 |
| 2.2        | Projek diterangkan dengan jelas. Istilah-istilah teknikal yang digunakan perlu dijelaskan  | 4              |                               |                                 |
| 2.3        | Projek yang dipilih berdasarkan kepada kajian latarbelakang dan maklumat serta data-data masa lepas  | 3              |                               |                                 |
| <b>3.0</b> | <b>Analisis Peluang Penambahbaikan (250 Markah)</b>  |                |                               |                                 |
| 3.1        | Peluang penambahbaikan telah dikenalpasti berdasarkan data / maklumat mencukupi yang telah dikumpul melalui pelbagai cara dan alat-alat yang bersesuaian                             | 8              |                               |                                 |
| 3.2        | Analisis secara sistematik dan penilaian sebab-sebab yang berpotensi dibuat untuk mengesahkan sebab-sebab tersebut dengan penggunaan alat yang bersesuaian                           | 12             |                               |                                 |
| 3.3        | Pengesahan dan validasi peluang penambahbaikan / sebab-sebab yang dibuat dengan menggunakan pelbagai kaedah  | 5              |                               |                                 |
| <b>4.0</b> | <b>Penyelesaian / Pelaksanaan Kreatif &amp; Inovatif (200 Markah)</b>  |                |                               |                                 |
| 4.1        | Kumpulan telah mengenal pasti pelbagai potensi tindakan / penyelesaian kreatif dan inovatif  | 8              |                               |                                 |
| 4.2        | Kumpulan telah menilai setiap penyelesaian alternatif dengan berhati-hati berdasarkan kepada pemilihan akhir berasaskan kriteria yang sesuai (kelebihan dan kekurangan diambil kira) | 12             |                               |                                 |
| 4.3        | Kumpulan telah menilai penyelesaian akhir yang kreatif dan inovatif ke atas objektif yang disasarkan   | 5              |                               |                                 |
| 4.4        | Kumpulan telah membuat dan melaksanakan penyelesaian kreatif dan inovatif dengan jayanya (kesulitan/halangan atau bagaimana ia diatasi, dijelaskan)                                  | 5              |                               |                                 |



## LAMPIRAN 2

| Item          | Kriteria Penilaian  | (a)<br>Wajaran | (b)<br>Markah<br>(Mak.<br>10) | (a)x(b)<br>Markah<br>Berwajaran |
|---------------|---|----------------|-------------------------------|---------------------------------|
| <b>5.0</b>    | <b>Pemantauan dan Penyeragaman (100 Markah)</b>   |                |                               |                                 |
| 5.1           | Kumpulan telah membuat pemantauan yang mencukupi dan sistematik bagi memastikan penambahbaikan dibuat mengikut susunan dan diselenggara | 5              |                               |                                 |
| 5.2           | Kumpulan berupaya membuat pembaikan bagi memastikan penambahbaikan dibuat mengikut susunan dan diselenggara                             | 2              |                               |                                 |
| 5.3           | Langkah-Langkah telah diambil bagi memastikan prosedur-prosedur baru telah disokong, diguna pakai, didokumenkan dan dikongsi            | 2              |                               |                                 |
| 5.4           | Tindakan-tindakan telah diambil bagi memastikan prosedur-prosedur baru yang diguna pakai telah diseragamkan dan diselenggara            | 1              |                               |                                 |
| <b>6.0</b>    | <b>Pencapaian &amp; Penciptaan Nilai (200 Markah)</b>   |                |                               |                                 |
| 6.1           | Gambaran jenis-jenis dan kuantum pencapaian dan penciptaan nilai  | 5              |                               |                                 |
| 6.2           | Penyesuaian sasaran pencapaian sebenar telah dibuat (kos di luar jangkaan dijelaskan)   | 2              |                               |                                 |
| 6.3           | Pemilihan penyelesaian telah dikenal pasti mengikut keunikan di peringkat syarikat / industri / kebangsaan dan antarabangsa             | 2              |                               |                                 |
| 6.4           | Kesan-kesan pencapaian dan penciptaan nilai kepada persekitaran, komuniti dan ahli-ahli kumpulan dinyatakan                             | 1              |                               |                                 |
| 6.5           | Kumpulan menyediakan bukti pengesahan dan validasi pencapaian dan penciptaan nilai  | 1              |                               |                                 |
| <b>7.0</b>    | <b>Persembahan Projek (50 Markah)</b>   |                |                               |                                 |
| 7.1           | Persembahan yang kemas, turutan yang logikal dan menepati masa yang telah diperuntukkan   | 3              |                               |                                 |
| 7.2           | Persembahan yang jelas, penggunaan alat pandang dengar yang berkesan dan pengucapan awam yang baik                                      | 2              |                               |                                 |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>100</b>     | <b>1000</b>                   | <b>/1000</b>                    |



### 13.0 Penyertaan

Penyertaan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Penyertaan Konvensyen KIK beserta dengan pengesahan Ketua Jabatan dan dikemukakan kepada:

Urus Setia Konvensyen KIK Peringkat IPTA kali ke-7  
Seksyen Pengurusan Kualiti,  
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Pengurusan Kualiti,  
Pejabat Pendaftar,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 Serdang,  
Selangor Darul Ehsan

(u.p: Pn. Rozi binti Tamin/Cik Mahmudah Aunudin)

Tel: 03-8947 2027/8946 7044)

Faks: 03-8946 7151/8942 6468

Emel: t\_rozi@putra.upm.edu.my / mahmudah@putra.upm.edu.my

## KATEGORI DAN NILAI HADIAH

| Bil.                       | Kategori Hadiah   | Nilai / Jenis Hadiah  | Jumlah (RM) |
|----------------------------|-------------------|---|-------------|
| 1                          | Johan Keseluruhan | Piala Pusingan<br>Piala Iringan:RM350.00<br>Gambar:RM50.00<br>Sijil Penghargaan | 400.00      |
| <b>Kategori Pengurusan</b> |                   |   |             |
| 1                          | Johan             | Piala:RM250.00<br>Wang Tunai:RM3,000.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 3,300.00    |
| 2                          | Naib Johan        | Piala:RM250.00<br>Wang Tunai:RM2,000.00<br>Gambar<br>Siji Penghargaan:RM50.00   | 2,300.00    |
| 3                          | Tempat Ketiga     | Piala:RM250.00<br>Wang Tunai:RM1,000.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 1,300.00    |
| <b>Kategori Teknikal</b>   |                   |   |             |
| 1                          | Johan             | Piala:RM250.00<br>Wang Tunai:RM3,000.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 3,300.00    |
| 2                          | Naib Johan        | Piala:RM250.00<br>Wang Tunai:RM2,000.00<br>Gambar<br>Siji Penghargaan:RM50.00   | 2,300.00    |
| 3                          | Tempat Ketiga     | Piala:RM250.00<br>Wang Tunai:RM1,000.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 1,300.00    |

| Bil.                           | Kategori Hadiah                                    | Nilai / Jenis Hadiah   | Jumlah (RM)      |
|--------------------------------|--|--|------------------|
| <b>Lain-lain</b>               |  |  |                  |
| 1                              | Anugerah Fasilitator Terbaik                       | Piala:RM350.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 400.00           |
| 2                              | Anugerah Khas: Anugerah Inovasi Harapan            | Piala:RM350.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 400.00           |
| 3                              | Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Pengurusan)     | Piala:RM350.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 400.00           |
| 4                              | Anugerah Inovasi Terbaik (Kategori Teknikal)       | Piala:RM350.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 400.00           |
| 5                              | Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Pengurusan) | Piala:RM350.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 400.00           |
| 6                              | Anugerah Persembahan Terbaik (Kategori Teknikal)   | Piala:RM350.00<br>Gambar<br>Sijil Penghargaan:RM50.00  | 400.00           |
| 7                              | Saguhati   | Cenderahati (RM50.00 x 10 ahli x 30 kumpulan):RM15,000.00<br>Gambar (RM50.00 x 30 kumpulan)<br>Sijil Penyertaan:RM1,500.00 | 16,500.00        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b> |  |  | <b>33,100.00</b> |